

Pemudah mengurangkan kerenah birokrasi

u. malaysia m/s 2
27/9/07

“ Saya yakin kakitangan kerajaan dapat melaksanakannya kerana ia lebih mudah berbanding sebelum ini ”

diadakan pada 16 Ogos lalu, laporan pertama yang diterima oleh Perdana Menteri mendapati pasukan tersebut berjaya mengemukakan cadangan yang melepasi jangkaan asal beliau dalam meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian.

Beliau yang gembira dengan pencapaian itu berharap pasukan itu dapat membantu mengurangkan penangguhan dan akan mempercepatkan permohonan dan kelulusan lesen-lesen.

Pasukan itu memberi tumpuan kepada laporan Bank Dunia berhubung kerenah birokrasi yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di negara ini.

Abdullah berkata, Pemudah telah mendapat kerjasama penuh daripada pe-

Dalam pada itu, penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan termasuk proses bayaran balik cukai merangkumi lebih bayaran balik cukai bermula tahun pertama kepada antara 14 dan 30 hari untuk penyerahan melalui *e-filing*.

Lebih bayaran balik akan diproses walaupun tempoh penilaian belum lagi dimuktamadkan.

Bayaran balik dibuat secara automatik tanpa permohonan oleh pembayar cukai.

Penilaian hartanah bagi tujuan duti setem (VSD) melibatkan pengurangan masa pemprosesan untuk VSD kepada 10 hari bagi penyerahan melalui *e-assessment* dan melalui lima langkah secara dalam talian berbanding sembilan langkah yang dilakukan secara manual.

gaan Elektronik (BLESS) merupakan Pusat Setempat Dalam Talian bagi memudahkan kelulusan proses dan pemantauan permohonan untuk lesen perniagaan.

BLESS akan dilaksanakan secara berperingkat bermula Oktober hingga November tahun ini bagi sektor pembuatan manakala industri perhotelan pula akan bermula pertengahan Oktober hingga pertengahan Disember ini.

Perkhidmatan tersebut akan mengambil kira tempoh jangka pendek proses pengeluaran dan kelulusan lesen.

Borang permohonan dan lesen akan disatukan melalui permohonan secara serentak.

Justeru, peranan yang dilakukan oleh Pemudah akan memudahkan semua

MASALAH birokrasi ketika berurusan dengan jabatan kerajaan menjadi salah satu punca mengapa sesuatu projek yang dilaksanakan dengan berkesan.

Penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) pada 7 Februari lalu hasil inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertujuan untuk mengurangkan kerenah birokrasi agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam proses memberi kelulusan kepada pelbagai permohonan.

Pemudah dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd. Sidek Hassan yang mewakili sektor awam sementara sektor swasta pula diwakili oleh Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Tan Sri Yong Poh Kon.

Pada satu mesyuarat Pemudah yang

melibatkan kerajaan penuh dan pada pegawai kerajaan dalam merangka cadangan bagi mengurangkan tempoh kerajaan membuat keputusan dan menyediakan kemudahan yang diperlukan pelabur.

Katanya, cadangan-cadangan Pemudah yang menyentuh perkara dasar akan dibawa kepada Kabinet terlebih dahulu untuk diluluskan sebelum ia dapat diumumkan.

Bagi cadangan yang tidak membabitkan perkara dasar, beliau berharap ia dapat dilaksanakan dengan serta-merta.


Abdullah meminta Mohd. Sidek mengeluarkan pekeliling kepada semua jabatan kerajaan tentang pelaksanaan syor-syor penambahbaikan yang dikemukakan oleh Pemudah.

“Pelaksanaannya boleh dipercepatkan dan sudah tentu ada borang yang perlu diubah serta dicetak, jadi ia akan mengambil sedikit masa.

“Saya yakin kakitangan kerajaan dapat melaksanakannya kerana ia lebih mudah berbanding sebelum ini,” kata Perdana Menteri.

Bagi proses yang berhubung dengan permulaan perniagaan pula satu Perkhidmatan Sokongan Lesen Pernia-

niagaan akan memudahkkan semua pihak membuat keputusan sama ada untuk menyertai sesuatu projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.



ABDULLAH Ahmad Badawi (dua kanan) ketika hadir pada mesyuarat pembentangan laporan kerja oleh Pemudah kepada beliau di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 16 Ogos lalu. Hadir sama (dari kiri) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Ismail Adam, Mohd. Sidek Hassan dan Yong Poh Kon.

Penambahbaikan Pendaftaran Perniagaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Aktiviti	Sebelum	Selepas
Pendaftaran Perniagaan Baru	3 hari	1 jam
Pembaharuan Pendaftaran	1 hari	15 minit
Kelulusan Nama Syarikat dan Perbadanan Syarikat	5 hari	1 hari
Pertukaran Taraf Syarikat	5 hari	1 hari
Tukar Nama Syarikat	5 hari	1 hari
Permulaan Perniagaan	5 hari	1 hari
Pendaftaran Gadaian	5 hari	2 hari
Pendaftaran Suratikatan Amanah	14 hari	5 hari
Pendaftaran Prospektus	14 hari	3 hari

	Sebelum	Selepas
Taksiran Penilaian Hasil untuk Pemindahan Hak Milik Tanah	<ul style="list-style-type: none"> Secara manual 9 langkah 26 hingga 86 hari 	<ul style="list-style-type: none"> Dalam talian 5 langkah 2 hingga 16 hari

Kebaikan Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH)

1. Mengurangkan masa pemprosesan sebanyak 60 peratus.
2. Menjimatkan kos operasi dan penyampaian.
3. Maklumat tersimpan secara tersusun dan mudah untuk didapati kembali.
4. Mudah dan mesra pengguna.
5. Boleh dicapai 24 jam setiap hari.
6. Ketepatan perkongsian maklumat.
7. Mengurangkan risiko maklumat yang salah.